

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN SEMINAR "BUSINESS AND INTEGRITY:THE WAY FORWARD"
ANJURAN BADAN PENCEGAH RASUAH

TEMPAT: HOTEL NIKKO, KUALA LUMPUR

TARIKH: 20 MAR 2001

MASA:

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Seminar "Integrity In Business: The Way Forward" ini. Saya sungguh gembira kerana berpeluang memberi pandangan saya berkenaan dengan satu jenayah yang amat merbahaya yang boleh menghalang pembangunan negara kita.

2. Rasuah adalah satu penyakit sosial yang ada di mana sahaja. Tidak ada negara atau bangsa yang boleh mendakwa mereka bebas daripada rasuah. Hanya kerana rasuah tetap ada tidak bermakna kita harus terima gejala ini dan kita tidak perlu berusaha membanterasnya. Setiap kejayaan kita mengurangkan rasuah tetap akan membawa kebaikan yang bertambah kepada kita. Walaupun pendapat umum ialah rasuah tidak mungkin dihapuskan tetapi kita masih perlu berusaha untuk menghapuskan gejala ini sepanjang masa.

3. Kita boleh mengadakan undang-undang dan badan-badan pencegah yang menguatkuasa undang-undang. Dengan adanya undang-undang dan badan pencegah yang berwibawa dan berkesan pengurangan rasuah boleh diusahakan. Tetapi yang lebih berkesan untuk membanteras rasuah ialah budaya atau nilai hidup yang dipegang oleh masyarakat. Jika masyarakat memandang amalan rasuah sebagai satu jenayah yang amat buruk dan memalukan maka rasuah akan berkurangan. Sebaliknya jika masyarakat menganggap rasuah sebagai perkara biasa dan menerimanya sebagai sesuatu yang tidak dapat dielak maka rasuah akan berkembang dan menjadi semakin buruk. Mungkin juga masyarakat berpendapat bahawa sogokan yang dihulur hanyalah bantuan yang boleh menolong mereka yang daif dan memerlukannya. Dengan ini sogokan menjadi perkara yang tidak disembunyi lagi dan pemberi serta penerima tidak akan berasa tersalah dan malu. Di peringkat ini tidak ada sesuatu yang boleh dibuat untuk membanteras rasuah kerana semua pihak dari peringkat yang terendah hingga ke peringkat yang tertinggi terlibat dan akan mempertahankan amalannya.

4. Rasuah boleh dibahagi kepada dua peringkat - iaitu peringkat rasuah dianggap jenayah yang salah dan memalukan dan perlu disembunyi dan peringkat kedua yang

mana rasuah dianggap perkara biasa yang melibat semua anggota masyarakat sebagai pemberi atau penerima dan tidak perlu apa-apa perasaan bersalah atau memalukan dan boleh diamal secara terbuka.

5. Jika semasa rasuah masih di peringkat pertama usaha tidak dibuat untuk mencegah dan membendung amalan rasuah, lambat-laun ia akan meningkat ke peringkat kedua. Oleh kerana di peringkat kedua ini rasuah tidak boleh dikawal lagi, masyarakat yang ingin membendung amalan ini perlu berusaha di peringkat pertama secara bersungguh-sungguh dan berpanjangan. Peperangan melawan rasuah di peringkat pertama ini mesti diteruskan sepanjang masa.

6. Oleh kerana di peringkat pertama rasuah dianggap oleh masyarakat sebagai jenayah maka masyarakat boleh memainkan peranan yang penting dengan memupuk perasaan bersalah dan malu jika terlibat dengan rasuah. Lebih kuat perasaan ini, lebih berjaya dan berhasillah peperangan melawan rasuah.

7. Nilai inilah yang menjadi benteng yang terkuat sekali dalam usaha membendung dan menghapuskan rasuah. Tidak ada sesuatu yang lebih buruk daripada pendapat bahawa oleh kerana rasuah tidak mungkin dihapuskan maka terima sahajalah amalan rasuah. Jika pendapat ini diterima masyarakat maka amalan rasuah akan dibiarkan tanpa pembanterasan sehingga ia menjadi satu budaya yang dikaitkan dengan bangsa. Dengan itu semua akan terlibat tanpa segan-silu, sama ada sebagai penghulur atau penerima rasuah.

8. Apabila ini berlaku maka amalan rasuah akan sampai ke peringkat kedua yang mana rasuah diamalkan secara terbuka dan melibatkan semua anggota masyarakat. Apabila sampai ke tahap ini pemulihan tidak mungkin lagi kerana tidak akan ada sesiapa yang bebas daripada rasuah dan boleh berusaha melawan rasuah. Dengan itu segala kesan buruk akan dirasai oleh semua anggota masyarakat, termasuk mereka yang menerima rasuah. Mereka harus ingat bahawa apabila rasuah sudah berleluasa, mereka yang menerima rasuah juga perlu menghulur rasuah apabila mereka berurusan dengan sesiapa sahaja dalam kehidupan mereka. Dengan ini mereka tidak sebenarnya mendapat apa-apa kelebihan atau keuntungan bagi diri mereka kerana pendapatan mereka perlu digunakan untuk menyogok orang lain. Apa yang berlaku hanyalah kenaikan kos segala urusan dan barangan. Sebaliknya jika tidak ada rasuah kos semuanya akan rendah kerana tidak perlu perbelanjaan untuk rasuah. Pendapatan yang kurang tidak menjadi masalah kerana kos segala-galanya begitu rendah. Apa gunanya pendapatan yang lebih jika ia tidak boleh membeli apa-apa yang lebih. Bukan duit yang banyak yang penting tetapi keupayaan duit itu membeli yang penting.

9. Manfaat yang diperolehi bukan sahaja terhad kepada kos sara hidup yang rendah tetapi juga keselesaan dan mudahnya pengurusan kehidupan. Masyarakat menjadi lebih efisien dan berdaya saing. Ini akan mempercepatkan proses kemajuan negara. Dengan ini semua anggota masyarakat akan memperolehi jauh lebih banyak nikmat berbanding dengan masyarakat yang bergelumang dengan rasuah. Ini dapat kita lihat sekarang. Bangsa dan negara yang menerima rasuah sebagai amalan biasa semuanya ketinggalan jauh di belakang, tidak maju dan tidak berdaya maju sampai bila-bila pun. Rakyat mereka mengeluh sepanjang masa kerana tertekan dengan rasuah yang perlu dihulur sepanjang jalan semasa berurusan dengan sesiapa sahaja.

10. Rasuah boleh mula dengan tidak disengajakan. Kerana sesuatu urusan Kerajaan, atau bank atau perniagaan terlambat kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, pihak yang tertekan kerana ini menghulurkan sedikit suguhati atau 'pelincir'. Pihak yang mengurus mendapati bahawa kelewatan yang tidak disengajakan boleh memberi keuntungan baginya. Kemudian kelewatan disengajakan dan rasuah dijadikan syarat untuk mempercepatkan urusan. Selepas itu rasuah diberi dan diterima sebagai perkara biasa untuk urusan berkenaan. Dan ini tetap meningkatkan kos urusan sepanjang masa.

11. Pemegangan sesuatu jawatan di satu tempat terlalu lama juga menyumbang kepada pengamalan rasuah. Pendek kata apabila sahaja seseorang diberi sedikit kuasa, lambat-laun rasuah mungkin berlaku.

12. Dalam sistem demokrasi rakyat diberi hak mengundi untuk memilih wakil-wakil mereka. Hak ini juga merupakan satu jenis kuasa. Dan seperti kata 'Mat Salleh', "kuasa mendorong kepada rasuah". Dengan itu pengundi mungkin tidak akan memilih calon yang terbaik bagi pemerintahan. Sebaliknya pengundi memilih calon yang memberi atau berjanji memberi sesuatu, sama ada di dunia atau di akhirat, kepadanya. Dengan ini pemerintahan akan terdiri daripada orang yang terlibat dengan rasuah dan bukan orang yang cekap memerintah negeri atau negara.

13. Yang jelas ialah di mana sahaja ada kuasa, kemungkinan rasuah berlaku memang ada. Peniaga bukan sahaja mungkin terlibat dengan menghulur rasuah kepada pegawai yang berkuasa tetapi mereka sendiri boleh menjadi penerima rasuah. Ini berlaku semasa membekal barangan yang sukar diperolehi, atau mengeluarkan kontrak kecil untuk bekalan barangan atau khidmat dan lain-lain. Pegawai bank terutamanya berpeluang menerima rasuah. Pada satu masa dahulu amalan ini diterima sebagai perkara biasa dan pelanggan sanggup membayar "football money" kepada pihak yang meluluskan pinjaman.

Hari ini tidak disebut lagi berkenaan "football money", tetapi ini tidak bermakna ia tidak diamalkan.

14. Apabila peniaga terlibat dan menerima rasuah sebagai amalan biasa maka kos segala-galanya akan meningkat. Walaupun dipercayai yang akan memikul beban kos yang tinggi ini ialah orang lain tetapi pengamal rasuah, sama ada yang menghulur atau yang menerima juga akan pikul beban kos kerana sara hidup keseluruhannya akan meningkat.

15. Pendek kata rasuah merugikan semua pihak, yang menerima sama dengan yang menghulur. Sudah tentu jika mereka dikesan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab, dihadapkan ke mahkamah, dihukum denda atau penjara, semua keuntungan daripada rasuah bukan sahaja akan hilang tetapi beban yang akan dipikul jauh lebih tinggi.

16. Fahaman tentang rasuah dan kesan buruknya kepada semua pihak dalam masyarakat, yang terlibat secara langsung dan yang tidak terlibat amatlah penting. Bukan sahaja kita perlu faham tetapi kita perlu anggap rasuah sebagai satu jenayah yang buruk dan hina dan memalukan. Mereka yang terlibat sebagai penghulur atau penerima perlu berasa salah dan malu, tetapi juga masyarakat amnya serta bangsa perlu berasa malu kerana terdapat amalan rasuah dalam masyarakat. Dan sudah tentu masyarakat perlu pandang hina terhadap mereka yang terlibat dengan rasuah. Ini adalah penderaan yang lebih berkesan daripada hanya hukuman yang dijatuhkan oleh pihak berkuasa.

17. Sesungguhnya sikap dan pendirian masyarakat sahaja yang boleh dan berkesan dalam membendung rasuah. Undang-undang dan agensi penguatkuasaan dengan sendirinya tidak akan dapat membendung amalan rasuah jika orang yang terlibat tidak dipandang hina oleh masyarakat. Agensi penguatkuasaan adalah penting. Tetapi untuk menjayakan tugas mereka, kuasa terpaksa diberi kepada mereka. Dan kuasa membuka peluang bagi mereka juga terlibat dengan rasuah. Sudah berkali-kali kita lihat peristiwa pagar makan padi kerana tugas dan kuasa yang diberi kepada agensi untuk melaksanakan sesuatu.

18. Sebagaimana saya katakan penguatkuasaan undang-undang walau seketat dan sekeras mana pun tidak dapat mengawal setiap orang. Sebagai contoh apabila hukuman mati mandatori dikenakan kepada pengedar dadah, masih ada mereka yang berani mengedarnya hingga tertangkap dan digantung sampai mati. Oleh itu dalam menangani gejala rasuah, adalah sesuatu yang baik untuk kita kembali kepada ajaran agama. Kepercayaan dan agama memantap atau memperkukuhkan nilai-nilai moral dan standard etika. Persekitaran seperti ini sangat sesuai dan kondusif untuk perkembangan kerohanian dari aspek

pertanggungjawaban atau akauntabiliti kepada Allah S.W.T. dan kepada insan.

19. Iman akan menjuruskan seseorang kepada corak kehidupan yang mulia. Sebagaimana disebut dalam sebuah hadis daripada Rasulullah S.A.W., "tidak akan mencuri seseorang itu jika semasa dia mencuri dia beriman." Jika diterjemahkan dalam kehidupan masa kini, kita boleh katakan "tidak akan memberi atau menerima rasuah seseorang itu jika semasa dia melakukannya dia beriman". Bagi tujuan ini, semua warga Malaysia, baik yang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, dalam dunia perniagaan dan pemimpin masyarakat, hendaklah saling mengingatkan akan ajaran agama dan keimanan yang kukuh yang mempengaruhi setiap gerak-geri kita. Ini bukanlah terhad kepada agama Islam sahaja. Tidak ada agama yang merestui jenayah rasuah.

20. Secara peribadi, saya merasa bangga dan gembira melihat lebih banyak seminar sebegini yang melibatkan dunia korporat dan kerajaan diadakan. Adalah diharapkan Seminar "Integrity In Business: The Way Forward" ini akan menjadi suatu forum pemangkin di mana nilai-nilai penting seperti integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam mengendalikan perniagaan dan dunia korporat boleh difahami dan dihayati dengan lebih jelas lagi. Seminar seumpama ini juga akan memperkukuhkan keyakinan (mutual confidence) dan kepercayaan pelbagai pihak yang berkaitan, dan pada masa yang sama akan dapat memperluaskan fahaman dan kesedaran tentang jenayah rasuah dan sikap yang perlu diambil oleh semua peniaga dan masyarakat amnya.

21. Semoga dengan berkat kerjasama semua pihak dalam membanteras rasuah, negara kita akan bertambah maju dan Wawasan untuk menjadikan negara kita sebagai negara maju serta menjadikannya juga negara yang bebas daripada rasuah, "a corruption-free society" akan tercapai.

22. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar "Integrity In Business: The Way Forward".